## *Cara-cara penyertaan:*

1. Beli sebarang minuman pek UHT atau tin **MILO®, NESCAFÉ®, NESVITA®, atau Susu Rendah Lemak NESTLÉ®** sebagai Bukti Pembelian.
2. Kira **kesemua produk Nestlé yang ditunjukkan dalam gambar di bawah dan tuliskan jumlah yang betul di dalam kotak-kotak yang telah disediakan**.
3. Lengkapkan borang penyertaan ini, sertakan 1 bukti pembelian dalam 1 sampul surat, lekatkan **setem yang mencukupi** dan hantarkan ke alamat berikut:
   **PERADUAN PERKAYAKAN HIDUPMU DENGAN MINUMAN NESTLÉ**
   **Nestlé Products Sdn. Bhd. (45229-H)**
   Peti Surat 8363, Pejabat Pos Kelana Jaya, 46788 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
4. Finalis yang berjaya akan dihubungi untuk menyertai Cabaran Utama Nestlé.

**JADUAL BUKTI PEMBELIAN**

| Produk-produk yang mengambil bahagian | Bukti Pembelian | No. Bersiri |
|---|---|---|
| MILO® UHT pek 125ml | 4 kod bar | 2 |
| MILO® UHT pek 200ml | 1 kod bar | 1 |
| MILO® UHT pek 250ml | 1 kod bar | 1 |
| MILO® UHT pek 1L | 1 kod bar | 3 |
| MILO GRAB 'N GO® ORIGINAL tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| MILO GRAB 'N GO® HI-CALCIUM tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| MILO GRAB 'N GO® MOCHA tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| NESCAFÉ® ICE tin 300ml | 1 penutup sentap | 1 |
| NESCAFÉ® IPOH WHITE COFFEE tin 240ml | 1 penutup sentap | 2 |
| NESCAFÉ® ORIGINAL tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| NESCAFÉ® LATTE tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| NESCAFÉ® MOCHA tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| NESCAFÉ® KOPI O tin 240ml | 1 penutup sentap | 1 |
| NESVITA OMEGA PLUS® UHT pek 1L | 1 kod bar | 4 |
| NESVITA® CALCIPLUS™ UHT pek 1L | 1 kod bar | 3 |
| SUSU RENDAH LEMAK NESTLÉ® UHT pek 1L | 1 kod bar | 3 |

Kod bar

Penutup Sentap MILO

Penutup Sentap NES

Nota: MILO® UHT 1L Cecair Pekat tidak mengambil bahagian dalam peraduan ini.
* Bilangan nombor bersiri akan dicopkan di atas setiap borang penyertaan layak yang diterima berdasarkan Bukti Pembelian yang disertakan.
Contoh: 1 borang penyertaan layak bersama NESVITA OMEGA PLUS® UHT pek 1L = 3 nombor bersiri = 3 peluang kemenangan.




# JUMLAH:

Pek MILO® UHT ☐ | Tin minuman NESCAFÉ® ☐ | Pek NESVITA® CALCIPLUS™ UHT ☐ | Tin minuman MILO® ☐

Lengkapkan butiran peribadi anda:

Nama seperti dalam MyKad (En/Puan/Cik): ____________________ No MyKad: ______ - ___ - ____

Telefon Rumah : ___ - ______

Alamat Kediaman: ____________________ Telefon Pejabat : ___ - ______

Telefon Bimbit : ___ - ______

Poskod : _____ Bandar : ____________ E-mel : ____________

**Syarat & Peraturan Peraduan**

**Penganjur & Kelayakan Mengambil Bahagian 1** PERADUAN PERKAYAKAN HIDUPMU ["Peraduan"] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Pihak Penganjur"] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas pada 01/07/2011. **2** Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: **[a]** Kakitangan Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau **[b]** Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]. **Tempoh 1** Peraduan ini akan diadakan dari 01/07/2011 hingga 01/09/2011 ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik. **Penghantaran Penyertaan & Kriteria Kelayakan 1** Setiap pembelian mana-mana pek UHT dan/atau tin minuman NESTLÉ akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan ini. Hanya produk NESTLÉ edaran pihak Penganjur sahaja layak diterima. Sila rujuk Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] untuk mendapatkan senarai produk yang turut serta dan bukti pembelian ["BP"] yang diperlukan untuk menyertai Peraduan ini. **2** Setiap borang penyertaan yang dihantar mesti diisi secara individu dan original, lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, memberikan jawapan yang betul bagi 4 [empat] jumlah pek UHT dan tin minuman NESTLÉ yang ditunjukkan dalam ilustrasi di dalam borang penyertaan dan mesti disertakan dengan BP yang dikehendaki. Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, memberikan jawapan yang salah atau borang penyertaan yang tidak tepat, atau penyertaan dengan BP tidak betul dan/atau rosak akan dibatalkan. **3** Setiap peserta berhak/layak menghantar lebih daripada 1 [satu] penyertaan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan 1 [satu] BP dalam 1 [satu] sampul surat. Sampul surat yang mengandungi berbilang penyertaan atau BP akan dibatalkan. Salinan borang penyertaan diterima, dengan syarat setiap satu mesti diisi secara individu dan original. **4** Setiap penyertaan mesti dikirim melalui pos biasa ke alamat yang dinyatakan. Penyertaan yang diterima menerusi penghantaran dengan tangan, khidmat kiriman cepat, Pos Laju dan/atau sebarang kaedah kiriman yang lain akan dibatalkan secara automatik. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang dikirim melalui pos yang tidak diterima kerana kekurangan bayaran pos. Bukti pengiriman pos tidak menandakan bukti penerimaan oleh Penganjur. **5** Setiap borang penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diperuntukkan nombor bersiri seperti yang dinyatakan dalam Jadual BP. **Hadiah-hadiah 1** Hadiah-hadiah bagi Peraduan ini dibahagikan kepada 2 [dua] kategori. **2** Kategori 1: Hadiah Mingguan: **[a]** Terdapat sejumlah 27 [dua puluh tujuh] Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. 3 [tiga] Hadiah Mingguan setiap minggu untuk 9 [sembilan] minggu. **[b]** Jumlah nombor bersiri yang diterima pada setiap minggu sepanjang Tempoh Peraduan akan dibahagikan dengan 3 [tiga] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Mingguan. Nombor bersiri kemenangan akan merupakan nombor bulat terdekat yang rendah yang terhasil daripada pembahagian berkenaan. **Contoh:** Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan pada minggu tersebut ialah 3215 penyertaan, maka jumlahnya akan dibahagikan 3 [tiga] untuk memperolehi nombor bersiri kemenangan untuk Hadiah Mingguan. Pemenang adalah penyertaan dengan nombor bersiri ke-1071 sebagai nombor bersiri kemenangan pertama, nombor bersiri ke-2142 sebagai nombor bersiri kemenangan kedua dan nombor bersiri ke-3213 sebagai nombor bersiri kemenangan ketiga. **[c]** Setiap pemenang akan memenangi 1 [satu] Hadiah Mingguan. Terdapat 2 [dua] pilihan bagi Hadiah-hadiah Mingguan untuk setiap 3 [tiga] minggu seperti berikut: • Minggu 1 ke Minggu 3: 01/07 – 21/07/2011 Samsung Galaxy Tab P1000 (16GB) ATAU Notebook Komputer HP Mini 5103 • Minggu 4 ke Minggu 6: 22/07 – 11/08/2011 Konsol Nintendo Wii & Wii Fit Plus ATAU Konsol PlayStation 3 (320GB) • Minggu 7 ke Minggu 9: 12/08 – 01/09/2011 TV LCD 40" Sony HD Penuh (siri CX 520) ATAU Kamera Digital SLR SONY NEX-5A **[d]** Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 [satu] Hadiah Mingguan setiap minggu dan maksima 3 [tiga] Hadiah Mingguan sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. Sekiranya seseorang pemenang memenangi lebih hadiah, maka hadiah yang berikutnya akan dimenangi oleh penyertaan dengan nombor bersiri lebih tinggi seterusnya secara berturutan. **3** Kategori 2: Hadiah-hadiah Asas: **[a]** Terdapat 10 [sepuluh] Hadiah-hadiah Asas untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. **[b]** Sejumlah 10 [sepuluh] peserta ["Finalis"] akan dipilih untuk mengambil bahagian dalam Cabaran Utama NESTLÉ ["Cabaran"] yang akan diadakan di Lembah Klang setelah berakhirnya Tempoh Peraduan. Cabaran ini akan menentukan pemenang-pemenang yang akan memenangi 10 [sepuluh] Hadiah-hadiah Asas. **[c]** Jumlah nombor bersiri yang diterima bagi Tempoh Peraduan akan dibahagikan dengan 10 [sepuluh] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri kemenangan bagi pemilihan Finalis. Nombor bersiri yang terpilih akan merupakan nombor bulat terdekat yang rendah yang terhasil daripada pembahagian berkenaan. **Contoh:** Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Tempoh Peraduan ialah 28888 penyertaan, maka jumlahnya akan dibahagikan 10 [sepuluh] untuk memperolehi nombor bersiri terpilih. Penyertaan dengan nombor bersiri ke-2888 akan dipilih sebagai nombor bersiri Finalis yang pertama, penyertaan dengan nombor bersiri ke-5776 sebagai nombor bersiri Finalis yang ke-dua dan seterusnya. **[d]** Hanya Finalis terpilih yang nama dan butir-butir masing-masing tertera pada borang penyertaan boleh mengambil bahagian dalam Cabaran. Kelayakan penyertaan tidak boleh dipindahkan sama sekali. Finalis akan dihubungi melalui telefon menurut kepada nombor telefon yang telah diberikan di dalam borang penyertaan dan akan dimaklumkan butir-butir untuk menyertai Cabaran. Sekiranya mana-mana Finalis gagal dihubungi selepas 3 [tiga] percubaan atau ketika dihubungi, tidak bersetuju untuk menyertai Cabaran, maka penyertaannya akan dibatalkan dan nombor bersiri lebih tinggi seterusnya yang berturutan akan dipilih sebagai Finalis gantian. **[e]** Sekiranya selepas menetapkan untuk menyertai Cabaran dan pada hari Cabaran diadakan, Finalis gagal untuk menyertai atas sebarang sebab, maka hadiah Finalis akan dibatalkan secara automatik. **(f)** Hadiah-hadiah Asas adalah seperti berikut: • 1 [Satu] Hadiah Utama berupakan RM200,000 [Ringgit Malaysia dua ratus ribu] tunai ATAU RM20,000 [Ringgit Malaysia dua puluh ribu] tunai; • 1 [Satu] Hadiah Kedua berupakan RM15,000 [Ringgit Malaysia lima belas ribu] tunai; • 1 [Satu] Hadiah Ketiga berupakan RM10,000 [Ringgit Malaysia sepuluh ribu] tunai; • 2 [Dua] Hadiah Keempat berupakan RM5,000 [Ringgit Malaysia lima ribu] tunai setiap satu; • 5 [Lima] Hadiah Sagu Hati berupakan RM2,000 [Ringgit Malaysia dua ribu] tunai setiap satu. **(g)** Finalis dengan markah tertinggi selepas menyempurnakan Cabaran akan memenangi Hadiah Utama dan akan menyertai peringkat seterusnya untuk menentukan nilai sebenar Hadiah Utama yang dimenangi. Finalis berikutnya akan memenangi Hadiah Kedua dan yang seterusnya akan memenangi Hadiah Ketiga. 2 [Dua] Finalis yang berikutnya akan memenangi Hadiah Keempat setiap satu. 5 [Lima] Finalis terakhir akan memenangi Hadiah Sagu Hati setiap satu. Setiap peserta boleh memenangi hanya 1 [satu] Hadiah Asas sahaja. **4** Pemenang Hadiah Mingguan akan diberitahu melalui pos. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh 3 [tiga] bulan dari tarikh surat pemberitahuan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima. Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman web Pihak Penganjur [www.nestle.com.my]. **5** Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Gambar hadiah yang ditunjukkan dalam borang penyertaan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza daripada yang ditunjukkan di gambar. **6** Semua pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada. **Liabiliti & Tanggungjawab 1** Pemenang dan warisnya akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan ini, menuntut dan/atau menggunakan hadiah Peraduan ini dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Pihak Penganjur terhadap sebarang liabiliti. **2** Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya. **Hak Penganjur 1** Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut. **Terma & Syarat 1** Syarat & Peraturan Peraduan ini disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya wujud ketidakseragaman antara semua versi tersebut, maka, Syarat & Peraturan Peraduan dalam Bahasa Inggeris yang tertera di laman web akan diguna pakai. **2** Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. **3** Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan Peraduan ini, serta keputusan Pihak Penganjur.